



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti  
Perdana Menteri 2004*



Tel. : 03-8885 3001  
Faks : 03-8889 2187  
E-mel : ismail@jpa.gov.my

**Ruj. Kami: JPA (S)(K) 173/18 Klt.17 ( 40)**

**Tarikh: 8 JANUARI 2010**

**Semua Suruhanjaya Perkhidmatan**

**Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Semua Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun**

**Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan**

Tuan,

**PENAMBAHAN TERMA DAN SYARAT DI DALAM BORANG PERJANJIAN  
PEGAWAI KONTRAK ( CONTRACT OF SERVICE )**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang tuan maklum, pelantikan kontrak merupakan kaedah pengambilan pegawai bagi melaksanakan sesuatu tugas tertentu dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan mengikut syarat yang dipersetujui antara pegawai, agensi dan Pihak Berkuasa Melantik selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract of Service).

3. Berdasarkan terma dan syarat perjanjian pegawai kontrak, tempoh perkhidmatan pegawai kontrak akan berakhir sebaik sahaja tamat tempoh perkhidmatan kontrak yang ditetapkan kecuali terdapat keperluan untuk menyambung perkhidmatan tersebut atas keperluan agensi. Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan pegawai di jawatan kontrak tersebut tidak boleh dijadikan jaminan untuk pegawai dilantik ke jawatan tetap.

4. Sehubungan itu, Kerajaan memutuskan supaya perkara ini dimasukkan sebagai peruntukan baru yang ditambah dalam terma dan syarat perjanjian kontrak tetapi peruntukan ini hanya dimasukkan bagi kontrak baru yang ditandatangani selepas tarikh surat edaran ini dikeluarkan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:-

**Versi Bahasa Malaysia:**

**“Pelantikan ke jawatan tetap**

16. Kerajaan tidak berkewajipan untuk melantik Pegawai ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Apa-apa permohonan bagi maksud pelantikan tetap perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau pihak berkuasa melantik berdasarkan syarat dan peraturan yang berkuat kuasa sekiranya Pegawai berhasrat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.”

**Versi Bahasa Inggeris:**


**“Permanent post appointment**

16. The Government is not bound to appoint the Officer to a permanent post in the public service. Any application for the purpose of permanent appointment shall be made directly to the Commission or appointing authority according to the conditions and regulations for the time being in force for appointment in the public service, if the Officer intends to serve in the public service.”

5. Kerjasama pihak tuan melaksanakan keputusan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
( TAN SRI ISMAIL ADAM )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA

s.k

Semua Ketua Setiausaha Kementerian